

# Najib percaya Blackstone dikawal Raja Arab Saudi

BERITA HARIAN 28 APR 2024

m/d: 15

Saksi dakwa bekas PM tak ditunjukkan dokumen syarikat pelaburan milik sekutu Jho Low

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi diberitahu bahawa Datuk Seri Najib Razak ketika disoal siasat, percaya syarikat pelaburan Blackstone Asia Real Estate Partners Ltd (Blackstone) dimiliki dan dikawal Raja Arab Saudi, Almarhum Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saudi.

Blackstone didakwa ditubuhkan ahli perniagaan dalam bujukan, Low Taek Jho atau Jho Low, iaitu nama sama dengan firma ekuiti hartanah persendirian Blackstone Real Estate dan sengaja menggunakan nama itu bagi menyerupai syarikat yang sudah matang dalam konspirasi mengaut berjuta-juta dolar daripada 1MDB.

Pada perbicaraan semalam, Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arifin, ber-

setuju dengan cadangan peguam bela, Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin, bahawa Najib percaya syarikat itu milik Almarhum Raja Abdullah ketika dirakamkan percakapan oleh pegawai perakam SPRM.

Saksi pendakwaan ke-49 itu juga bersetuju Najib ketika itu tidak ditunjukkan sebarang dokumen bahawa sekutu Jho Low, iaitu Eric Tan Kim Loong adalah pemilik benefisiari (pihak berkepentingan atau pemilik sebenar) Blackstone.

## Empat pertuduhan

Nur Aida berkata demikian ketika memberikan keterangan terhadap Najib, 70, yang berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan pada Mac lalu mendengar keterangan pakar pemulihan aset luar pesisir, Angela Barkhouse yang memberitahu mahkamah bahawa Najib menerima wang AS\$120 juta dalam akaun bank peribadinya daripada Blackstone Asia.

Barkhouse berkata, dana yang diterima itu membabitkan transaksi AS\$70 juta pada 29 Disember 2011 serta masing-masing AS\$25 juta pada 12 Mac 2012 dan 22 Mei 2012.

Saksi itu berkata, asas ketera-



Nur Aida jadi saksi kes 1MDB yang membabitkan Najib di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

ngan beliau itu berdasarkan aliran dana melalui pinjaman dibuat syarikat pelaburan, SRC International Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang (Diperbadankan) (KWAP).

Penganalisis Bank Negara Malaysia (BNM), Adam Ariff Mohd Roslan, pula sebelum ini memberitahu mahkamah, akaun peribadi Najib menerima kemasukan AS\$30 juta (RM90.9 juta) daripada

Blackstone antara 30 Oktober dan 19 November 2012.

Katanya, ia dikreditkan ke akaun Najib daripada akaun Standard Chartered Bank, Singapura atas nama Blackstone dan boleh dikesan daripada bon yang dikeluarkan oleh 1MDB Energy (Langat) Ltd (1MELL) pada 2012.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung Selasa ini.